

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Welcome Centre
Sent: Thursday, November 29, 2018 2:19 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: DATARAN PERDANA UUM DIIBARATKAN SEPERTI DATARAN TAJ MAHAL AGRA - PROF. TAN SRI DR. HALIM SHAFIE



29 NOVEMBER 2018 / 21 RABIULAWAL 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

**DATARAN PERDANA UUM DIIBARATKAN SEPERTI DATARAN TAJ
MAHAL AGRA - PROF. TAN SRI DR. HALIM SHAFIE**



ANJUNG TAMU ONLINE: Siapa sangka ungkapan yang dikeluarkan Profesor Adjung, School of Computing (SOC) UUM CAS, Prof. Tan Sri Dr. Halim Shafie sebaik sahaja beliau melawat Rumah Tengah UUM Welcome Centre mampu gegarkan minda untuk berfikir sejenak.

“Dataran Perdana UUM boleh diibaratkan seperti Dataran Taj Mahal di Agra,” katanya.

Keindahan Dataran Perdana UUM yang di bawah sinar matahari mencetuskan keseimbangan dan keharmonian ideal bagi beliau yang mempunyai pengalaman luas bila jauh perjalanan di serata dunia. Terkesan beliau dengan gambar-gambar menarik sewaktu Discover UUM. Malahan, lokasinya mempunyai simetri sempurna yang entah bagaimana mampu menyentuh emosi sekaligus berasa aman.

Seterusnya beliau banyak memberi pandangan tentang keunikan bangunan Welcome Centre sebagai penyeri di pintu masuk utama kampus yang diinspirasikan daripada pokok sirih junjung.

Menurut beliau,

“Memang sangat menarik. Mungkin ada aspek digital yang boleh dipamerkan di Laman Padi supaya lebih menarik.”

“Cadangan untuk mempamerkan pokok sirih junjung menyusuri di sekitar laman padi.”

Beliau yang mengamati laman padi UUM Welcome Centre gembira bila Negeri Jelapang Padi menjulang nama mempromosikan Malaysia kepada negara luar.

“Tahniah!” ujarnya.

Hadir sama, Timbalan Dekan SOC, Prof. Madya Dr. Osman Ghazali.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.